

# Dr M syor ubah sistem pendidikan

**K**UALA LUMPUR: Malaysia perlu mengubah sistem pendidikannya kerana dasar yang diamalkan sekarang tidak menyemai pemerolehan ilmu pengetahuan dan aplikasi terhadap pengetahuan yang diperoleh, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Bekas Perdana Menteri berkata, sistem yang bertumpu kepada pendekatan untuk menimba ilmu saja sudah tidak memadai kerana rakyat harus turut diajar bagaimana mengamalkan pengetahuan itu.

"Sudah tiba masanya untuk negara mengubah sistem sedia ada. Kita perlu sistem yang akan menggabungkan kedua-dua komponen itu dan memikirkan secara serius perkara ini jika kita mahu terus maju," katanya,

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Persidangan Dunia dan Pameran Pertubuhan Pembangunan dan Latihan Persekutuan Antarabangsa (IFTDO) 2006 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur di sini, semalam.

Dr Mahathir berkata tiada gunanya seseorang menimba ilmu tetapi tidak tahu mengamalkannya, dan sejarah membuktikan mereka yang hanya menimba ilmu tidak maju berbanding mereka yang menggunakannya.

Katanya sistem pendidikan British yang diikuti Malaysia hanya memberi penekanan kepada pemerolehan pengetahuan manakala sistem pendidikan seperti di Jepun dan Jerman turut memberi cara mengamalkannya.

"Sebab itu Britain kini ketinggalan berbanding Jerman dan Jepun. Misalnya, Britain pernah menghasilkan kereta yang baik tetapi kini tidak lagi. Jerman dengan kereta Mercedes Benz dan BMW telah mengatasi Britain.